

**INTER-VARSITY INDIGENOUS SPORTS FESTIVAL (IIF), IIUM**  
**PERATURAN PERTANDINGAN SEPAK RAGA RATUS**



**1.0 PENJENISAN : PERMAINAN LAMAN**

- 1.1 Nama : Sepak raga ratus.
- 1.2 Tujuan : Menimbang bola.
- 1.3 Gelanggang : Permukaan rata.  
: Dibuat lengkungan bulatan bergaris pusat tiga (3) meter.
- 1.4 Alatan : Bola raga (bola rotan tradisi yang berlapis).

**2.0 PERATURAN PERTANDINGAN**

Pertandingan ini akan dijalankan mengikut Peraturan Am Pertandingan 'INTER-VARSITY INDIGENOUS SPORTS FESTIVAL (IIF), IIUM'.

**3.0 JENIS PERTANDINGAN**

Pertandingan IIF ini dikelola oleh International Islamic University Malaysia (IIUM) dengan kerjasama dari semua Institusi Pengajian Tinggi dibawah naungan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

**4.0 PENDAFTARAN PEMAIN / PEMBENTUKAN PASUKAN**

- 4.1 Bilangan Pemain:
  - 4.1.1 Pasukan mestilah terdiri daripada lima (5) orang pemain sepasukan.
- 4.2 Pendaftaran hendaklah disampaikan kepada Jawatankuasa Pengelola sebelum pertandingan dimulakan.
- 4.3 Senarai nama pemain mengikut susunan hendaklah diserahkan kepada Pengadil Kehormat pertandingan 30 minit sebelum perlawanan dimulakan.
- 4.4 Hanya nama pemain yang namanya didaftarkan dalam borang penyertaan sahaja akan bermain dalam pertandingan ini.
- 4.5 Tidak dibenarkan pertukaran pemain selepas perlawanan dimulakan.

## 5.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 5.1 Sila rujuk Peraturan Am (9.0) IIF

## 6.0 CARA PERMAINAN

- 6.1 Pemain hendaklah (kecuali peserta boleh) berada didalam bulatan lengkung. Permainan dimulakan dan ditamatkan apabila aba-aba diberikan.
- 6.2 Seorang dari pemain akan mengumpan bola menggunakan genggam tangan kepada rakan apabila diberikan aba-aba. Jika kandas permainan perlu dimulakan sekali lagi. Rakan yang menerima akan menimbang tidak melebihi tiga (3) kali timbangan dan sepak/timbangan seterusnya akan dibuat rakan lain atau rakan selang (jika bermain secara ratus bintang).
- 6.3 Pemain hanya boleh menggunakan kaki, sepak sela/badik/sauk/sungkit, menanduk dengan kepala, menampar dengan bahu atau peha atau badan tetapi bola tidak boleh terkena mana-mana bahagian tangan.
- 6.4 Markah hanya dikira bagi setiap timbangan yang melepasi aras ubun-ubun pemain yang membuat timbangan/sepakan.
- 6.5 Setiap kumpulan diberikan peluang bermain sebanyak (3) jatuhan bola dalam masa sepuluh (10) minit atau mana-mana yang terdahulu.
- 6.6 Jika berlaku jatuhan, sepakan kedua akan dimulakan dan cara bermain adalah seperti para 6.2 diatas.

## 7.0 CARA MEMUTUSKAN PEMENANG

- 7.1 Pasukan yang mendapat jumlah timbangan yang banyak.
- 7.2 Jika seri:
- 7.2.1 Setiap pasukan akan menimbang sehingga jatuh dalam masa 2 minit.
- 7.2.2 Jika masih seri, tambahan masa 1 minit akan diberi.
- 7.2.3 Jika seri juga undian akan dibuat.

## 8.0 LARANGAN DAN DENDAAN

- 8.1 Satu jatuhan (batal)
  - 8.1.1 Bola jatuh ke bumi;
  - 8.1.2 Sekiranya pemain menimbang lebih dari tiga (3) timbangansepak;
  - 8.1.3 Kedua-dua belah kaki pemain terkeluar daripada lengkung bulatan;
  - 8.1.4 Sekiranya bola terkena mana-mana tangan pemain.
- 8.2 Buang gelanggang
  - 8.2.1 Mana-mana peserta yang dikira tiga (3) kali berbuat perkara tidak sopan;
  - 8.2.3 Mana-mana pemain yang berbuat bukan dalam permainan.

## 9.0 PAKAIAN

Sila rujuk Peraturan Am (7.0) IIF.

## 10.0 KELEWATAN

Hanya 10 minit sahaja akan diberikan kepada seseorang pemain/pasukan yang lewat dan selepas masa itu, sekiranya pemain/pasukan tersebut tidak dapat hadir maka perlawanan tersebut secara rasminya terbatal dan semua keputusan perlawanan yang melibatkan pasukan tersebut tidak diambil kira dalam pungutan mata. Pasukan tersebut dikira menarik diri daripada pertandingan.

## 11.0 BANTAHAN

Sila rujuk Peraturan Am (13.0) IIF.

## 12.0 RAYUAN/BANTAHAN

Sila rujuk Peraturan Am (14.0 & 15.0) IIF.

## 13.0 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Sila rujuk Peraturan Am (20.0) IIF.